

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN MORAL SPM KSSM 2021
Bahagian A [50 markah]

1. Baca keratan akhbar di bawah dan jawab soalan berikut.

Bapa terpaksa curi susu untuk anak selepas hilang kerja

Kota Tinggi : Tekanan hidup dialami seorang bapa selepas kehilangan pekerjaan menyebabkan dia bertindak mencuri susu di sebuah kedai di sini untuk diberikan kepada dua anaknya. Bapa tersebut memaklumkan diberhentikan kerja selepas lama bercuti kerana tangannya patah. Usaha mencari pekerjaan baru tidak berjaya dalam masa sama anak-anaknya yang masih kecil dan menyusu serta kehabisan stok menyebabkan dia nekad 不顾一切的 mencuri sebungkus susu.
 ~Utusan Malaysia 29 Januari 2021

(a) Apakah perasaan anda apabila membaca keratan akhbar di atas ?
 Jelaskan alasan anda. [3m]

F	Sedih
H1	Kesempitan hidup menyebabkan bapa terpaksa mencuri
H2	Anak akan kehilangan tempat bergantung selepas bapa ditangkap
H3	Kasih anak kelaparan
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima 1F + 2H = 3m / 0F + 3H = 2m	

(b) **Senaraikan kes jenayah** yang membawa kepada hukuman mati mandatori. [2m]

F1	membunuh dengan niat
F2	mengedar dadah melebihi jumlah yang ditetapkan
F3	pemilikan senjata api
F4	Lawan Yang Dipertuan Agong
Terima mana-mana 2F = 2m / 1F = 1m	

(c) Sekiranya anda pemilik kedai tersebut, justifikasikan tindakan anda berdasarkan

i Prinsip keadilan [2m]

F1	Jika saya pemilik kedai tersebut, saya akan melaporkan kes kecurian ini kepada polis / pihak berkuasa
H1	Hal ini kerana kecurian ialah satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang.
H2	Walaupun sangat susah pun tidak harus mencuri.
H3	Tiada sesiapa yang boleh terlepas daripada tindakan undang-undang
H4	Hukuman yang sewajarnya patut dikenakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

ii Prinsip keprihatinan [2m]

F1	Jika saya pemilik kedai tersebut, saya akan memberikan sebungkus susu kepadanya.
H1	Kita harus memahami perasaan seorang bapa yang melihat anaknya kelaparan
H2	Kita harus membantu mereka yang memerlukan bantuan
H3	Kita harus mengambil kira keperluan anak tersebut untuk mendapatkan makanan
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

(d) **Selain mahkamah tinggi** yang mengadili kes jenayah berat, namakan mahkamah yang mengadili kes jenayah yang melibatkan **kanak-kanak**. [1m]

F	Mahkamah Juvana / mahkamah juvenil / mahkamah bagi kanak-kanak
Terima mana-mana 1F = 1m	

2. Tindakan individu dalam gambar adalah untuk membentuk masyarakat yang sejahtera dan berperikemanusiaan.



- (a) **Takrifkan** perikemanusiaan. [2m]

F	Perikemanusiaan ialah sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong menolong dan mengasihani.
F1	sifat yang wajar bagi manusia
F2	seperti bertimbang rasa / tolong menolong / mengasihani
Terima mana-mana 2F = 2m / 1F = 1m	

- (b) **Setujukah** anda dengan tindakan individu dalam gambar di atas ?
Nyatakan alasan anda. [2m]

F	Setuju.
H1	dapat membantu mangsa bencana alam / dapat membantu orang yang memerlukan
H2	Dapat melahirkan masyarakat penyayang / harmoni / sejahtera
H3	mereka mempunyai sikap empati / simpati kepada mangsa bencana alam
H4	barangan keperluan telah diberikan kepada mangsa bencana alam
H5	bantuan yang diberikan dapat mengurangkan beban mangsa bencana alam
H6	Mangsa bencana alam rasa disayangi
H7	Melahirkan sikap bekerjasama dalam masyarakat
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

- (c) Perlakuan berperikemanusiaan seperti memelihara dan memulihara hutan merupakan tindakan yang patut dilakukan untuk membantu alam sekitar. Bincangkan. [4m]

F1	melindungi flora dan fauna
H1	supaya flora dan fauna tidak pupus
F2	Mengekalkan keseimbangan ekosistem
H2	menjaga habitat flora dan fauna
H3	Mengelakkan kegiatan pembalakan haram / pemburuan haram
F3	Mengimbangi suhu
H4	Hutan menyerap karbon dioksida dan melepaskan oksigen / mengelakkan pemanasan global / mengelakkan kesan rumah hijau
F4	Hutan ialah kawasan tadahan hujan
H5	Mengekalkan imbangan air / kitaran air
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 1F + 3H = 4m / 2F + 2H = 4m / 0F + 4H = 3m	

- (d) **Tuliskan contoh aktiviti** yang pernah anda sertai untuk membantu masyarakat. [2m]

F1	Aktiviti kesukarelawan / Aktiviti gotong royong / Program Bantuan Kemanusiaan
F2	Program kesihatan / Kempen Menderma Darah / Kempen Antidadah / Kempen menderma organ / pakaian lama / cermin mata
F3	Aktiviti Kelestarian Alam Sekitar / Program Kitar Semula / Program Menanam Pokok / Program Penempatan Haiwan Terbiar
Terima mana-mana jawapan yang munasabah. Jawapan calon mesti NAMA program	
Terima mana-mana 2F = 2m / 1F = 1m	

3. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kepelbagaian ini tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menerima dan menghormati norma dan budaya kaum lain. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia.

(a) Nyatakan keunikan rakyat Malaysia dari segi pakaian bagi bangsa berikut :

i Kaum India [1m]

F1	Sari / dhoti / kurta
Terima mana-mana 1F = 1m	

ii Kaum Cina [1m]

F1	Cheongsam / Sut Zhongshan / samfu, hanfu / qipao
Terima mana-mana 1F = 1m	

(b) Terangkan **kepentingan** keunikan rakyat Malaysia. [3m]

F1	Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H1	Menerima persamaan dan perbezaan budaya
H2	Rakyat hidup bersatu padu
F2	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara
H3	Menarik pelancong asing
H4	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F3	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya
H5	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
H6	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman
F4	Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dengan warisan kebudayaan
H7	Memelihara jati diri
H8	Mengukuhkan persefahaman antara kaum
F5	Menjadi kebanggaan negara
H9	Mencerminkan identiti negara
H10	Meningkatkan imej negara
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 1F + 2H = 3m / 2F + 1H = 3m / 0F + 3H = 2m	

(c) Wajarkah isu sensitif disebarkan melalui media sosial ? Bincangkan alasan anda. [5m]

F	Tidak wajar.
H1	Menggugat perpaduan dan ketenteraman diri serta masyarakat.
H2	menyinggung hati / perasaan kaum lain
H3	Menimbulkan pergaduhan dan salah faham antara kaum
H4	menyebabkan rasa kebencian antara kaum
H5	Menyebabkan ketidakstabilan ekonomi dan politik negara
H6	Imej negara akan terjejas
H7	Menjejaskan kedaulatan negara
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 1F + 4H = 5m / 0F + 5H = 4m	

4. Dialog berikut berkaitan dengan penyebaran maklumat palsu yang kerap berlaku dalam masyarakat kini.

Pn. Lucy	: Sekarang terdapat pelbagai berita palsu tentang vaksin Covid 19 di laman sosial.
Pn. Sim	: Hal ini tidak boleh dipandang enteng 不可以被看成轻松的 kerana ia akan mendatangkan pelbagai kesan negatif dalam usaha mengekang penularan virus ini
Pn. Kiah	: Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam membanteras masalah ini. Contohnya seorang doktor telah didenda RM5,000 oleh mahkamah selepas didapati bersalah menyebarkan berita palsu tentang vaksin.

- a Cadangkan tatabara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang betul. [3m]

F1	Pastikan kesahihan sesuatu maklumat
F2	Dapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan
F3	Nyatakan sumber rujukan
F4	Sebarkan berita atau maklumat yang tidak menyentuh isu sensitif
F5	Elakkan daripada memuat naik isu negatif, kurang sopan atau pornografi melalui laman sosial
F6	Elakkan daripada membuat serangan peribadi terhadap pihak yang lain
F7	Tidak memanipulasikan sesuatu isu untuk kepentingan sendiri
F8	Tidak menokok tambah maklumat atau isi kandungan
F9	Tidak menggodam atau mengeksploitasi maklumat peribadi orang lain
F10	Tidak mencetak atau memplagiat bahan tanpa kebenaran pemilik asal
Terima mana-mana 3F = 3m	

- (b) Berdasarkan dialog di atas, terangkan **kesan** penyebaran berita palsu dari segi **penaakulan moral** dan **perlakuan moral**. [4m]

F1	Mencetuskan konflik diri
H1	Mengelirukan / tidak dapat bezakan benar atau palsu sesuatu berita (AM)
H2	Boleh menyebabkan rasa takut dan panik dalam diri.
F2	Terpengaruh dengan berita palsu (AM)
H3	Melibatkan diri dalam perbuatan negatif / mengugat kesejahteraan negara
H4	Berlaku kekecohan dalam masyarakat.
H5	Dikenakan tindakan undang-undang
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 1F + 3H = 4m / 0F + 4H = 3m	

- (c) Nyatakan **contoh** saluran penyebaran maklumat palsu di negara kita. [2m]

F1	Facebook	F4	Wechat	F7	e-mail
F2	Whatsapps	F5	Instagram	F8	SMS
F3	Telegram	F6	Twitter		
Terima mana-mana 2F = 2m					

- (d) Namakan **akta** yang berkaitan dalam menangani berita palsu. [1m]

F1	Ordinan Darurat
F2	Kanun Keseksaan (Akta 574)
F3	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)
F4	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)
F5	Akta Anti Berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020 (Akta 825)
F6	Akta Hasutan 1948
Terima mana-mana 1F = 1m	

5. Gambar di bawah menunjukkan logo Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC).



- (a) Bagaimanakah anda membuat aduan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan jika anda berasa bahawa diri anda ditindas ? [2m]

H1	hadir sendiri ke pejabat Suruhanjaya untuk membuat aduan
H2	menulis surat kepada suruhanjaya
H3	membuat aduan atas talian (online)
H4	Dengan menunjukan / membawa / gambar sebagai bukti
H5	Membawa saksi untuk membuktikan diri saya tertindas
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 2H = 2m	

- (b) Senaraikan elemen yang terdapat dalam integriti. [2m]

F1	Kepantasan	F4	Disiplin	F7	Kerja berpasukan
F2	inovasi	F5	Adil		
F3	tanggungjawab	F6	Prihatin		
Terima mana-mana 2F = 2m					

- (c) Berikan contoh amalan integriti di sekolah. [3m]

H1	Pelajar menepati masa pergi ke sekolah
H2	Pelajar membuat kerja rumah dengan penuh tanggungjawab / tidak meniru jawapan rakan
H3	Pelajar menghantar kerja rumah dengan tepat masa.
H4	Pelajar akur dengan arahan dan peraturan sekolah.
H5	Pelajar sentiasa bekerjasama dengan rakan sekelas apabila diberikan tugas berkumpulan.
H6	Guru / ketua kumpulan mengagihkan kerja dan tugas dengan samarata.
H7	Guru tidak pilih kasih dalam memberi ganjaran dan hukuman kepada pelajar
H8	Guru memberi sokongan moral kepada pelajar.
H9	Guru sentiasa memberi dorongan dan bantuan kepada pelajar untuk menyiapkan kerja rumah.
H10	Guru masuk kelas tepat pada masanya
H11	Guru menanda latihan / kertas jawapan pelajar dengan penuh tanggungjawab
H12	Guru tidak menyalahgunakan masa pejabat untuk berbual-bual / keluar makan / jualan barang
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 3H = 3m	

- (d) "Integriti organisasi merupakan asas pembangunan negara." Huraikan. [3m]

F1	Memartabatkan perusahaan kecil dan sederhana
H1	Perusahaan kecil dan sederhana diiktirafkan di pasaran antarabangsa
H2	Meningkatkan pendapatan perusahaan kecil dan sederhana
F2	Mewujudkan sistem pentadbiran yang telus
H3	Negara bebas rasuah
H4	Pentadbiran lebih sistematik
H5	Meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan rakyat

F3	Menyakinkan pelabur asing untuk meneruskan pelaburan
H6	Peluang pekerjaan dan perniagaan meningkat
H7	Ekonomi negara berkembang pesat
F4	Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat
H8	Dapat mengelakkan diskriminasi
H9	Masyarakat lebih harmoni
F5	Melahirkan budaya kerja yang efisien
H10	Produktiviti kerja meningkat
H11	Menjadi contoh kepada negara lain
F6	Meningkatkan imej negara
H12	Negara terkenal di persada dunia
H13	Sektor pelancongan berkembang
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana $1F + 2H = 3m$ / $2F + 1H = 3m$ / $0F + 3H = 2m$	

Bahagian B [10 markah]
Jawab mana-mana satu soalan dalam bahagian ini.

6. Berikut ialah pengurusan kewangan antara pelajar A dan pelajar B.

Catatan Pendapatan dan Perbelanjaan Pelajar A		Catatan Pendapatan dan Perbelanjaan Pelajar B	
PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Wang Saku 500.00	Tuisyen Bahasa Melayu 60.00	Wang Saku 400.00	Tuisyen Bahasa Melayu 60.00
	Tuisyen Sejarah 60.00	Faedah simpanan dari bank 30.00	Tuisyen Sejarah 60.00
	Makanan dan minuman 150.00		Tuisyen Matematik 60.00
	Lain-lain perbelanjaan 50.00		Tuisyen Bahasa Inggeris 60.00
	Rancangan membeli telefon pintar baru bernilai RM3500.00		Beli data untuk kelas atas talian 30.00
Jumlah 500.00	Jumlah 500.00	Jumlah 430.00	Jumlah 430.00

Berdasarkan jadual perbelanjaan di atas, **apakah pilihan anda** ? Justifikasikan pilihan anda berdasarkan **dimensi moral**. [10m]

Watak : saya / pelajar / masyarakat / mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Saya memilih catatan pendapatan dan perbelanjaan pelajar B
H1	Pelajar B mempunyai pengurusan kewangan yang beretika.
H2	Pelajar B telah merancang pendapatan dan perbelanjaan dengan sistematik / berhemat. (PM)
H3	Contohnya , Pelajar B telah berfikir kesan baik / berfikir dengan rasional dengan membuat simpanan di bank sebanyak RM100 setiap bulan. (AM)
H4	Simpanan dapat digunakan semasa berlaku kecemasan
H5	Dia berasa gembira kerana mendapat faedah dari simpanan di bank sebanyak RM30.00 setiap bulan. (EM)
H6	Pelajar B berasa gembira kerana dapat membuat tabungan RM100 daripada lebih wang sakunya setiap bulan. (EM)
H7	Saya mengurangkan perbelanjaan saya dari segi membeli makanan dan minuman di luar

H8	Pelajar B juga telah membelanja wang dalam pembelajaran iaitu menghadiri kelas tuisyen
H9	Hal ini boleh menambah nilai diri pelajar / meningkatkan ilmunya
H10	Supaya menjadi seorang yang berilmu pengetahuan pada masa depan.
H11	Hal ini menunjukkan pelajar B telah membuat pelabuan dari segi pengetahuan dalam dirinya.
H12	Maka pelajar B akan dapat meningkatkan pencapaiannya dalam peperiksaan / mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.
H13	Keputusan peperiksaan yang cemerlang dapat menjamin pelajar B mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.
H14	Pelajar B mempunyai masa depan yang cerah kerana pengurusan kewangannya yang terancang.
H15	Pelajar B dapat menjamin kehidupan yang sejahtera pada masa akan datang.
K	Semua orang harus merancang pengurusan kewangan yang beretika supaya menjamin kesejahteraan hidup.

Mana-mana jawapan yang munasabah

Terima $1F + 9H = 10m$ / $0F + 10H = 9m$

Jawapan calon mesti mempunyai mana-mana satu kata kunci jawapan kepada domain moral / dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

Kebanyakan jawapan moral calon adalah perlakuan moral.

ATAU

Watak : saya / pelajar / masyarakat / mana-mana watak yang sesuai.


Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Saya memilih catatan pendapatan dan perbelanjaan pelajar A
H1	Pelajar A telah merancang pendapatan dan perbelanjaan dengan sistematik.
H2	Contohnya, Pelajar A telah merancang membeli telefon pintar baharu dengan mengumpul wang setiap bulan.
H3	Pelajar A mengumpul wang sebanyak RM180.00 setiap bulan.
H4	Pelajar A telah melabuh wang dengan menghadiri kelas tuisyen.
H5	Hal ini boleh menambah ilmu pengetahuan pelajar A.
K	Semua orang harus merancang pengurusan kewangan yang beretika supaya menjamin kesejahteraan hidup.

Mana-mana jawapan yang munasabah / mana-mana ayat calon yang menunjukkan kata kunci domain moral / dimensi moral

Terima $1F + 5H = 6m$ / $0F + 5H = 5m$

Pemilihan jawapan Pelajar A TIDAK MENDAPAT markah penuh kerana perbelanjaan ke atas telefon pintar yang bernilai RM3500 adalah terlalu mahal bagi seorang pelajar yang hanya mendapat wang saku RM500 sebulan.

7. Grafik berikut menunjukkan kepentingan mengekalkan hubungan antara Malaysia dengan negara luar dalam bidang politik



Selain kepentingan dalam bidang politik, huraikan kepentingan dalam bidang lain bagi memelihara kerjasama dalam masyarakat global. Huraian hendaklah berdasarkan kepada **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [10m].

题目要求同学们写出马来西亚其他领域的国际合作的重要性（除了政治合作）

Watak : mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh				
N1	Nilai kerjasama	N3	Nilai hormat	N5	Nilai keberanian
N2	Nilai toleransi	N4	Nilai rasional		
F1	Pendidikan ialah kepentingan dalam bidang lain bagi memelihara kerjasama dalam masyarakat global.				
H1	Mempelbagaikan inovasi pendidikan.				
H2	Meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia.				
H3	Menubuhkan institusi pendidikan antarabangsa.				
H4	Program pertukaran pelajar antara negara dapat dijalankan				
F2	Ekonomi				
H5	Meningkatkan pendapatan negara.				
H6	Mempelbagaikan sumber ekonomi.				
H7	Membuka peluang pekerjaan.				
H8	Pertukaran sumber tenaga buruh				
H9	Contohnya , pekerja asing dari negara Indonesia / Nepal / Bangladesh / Pakistan				
F3	Keselamatan				
H10	Membina hubungan dunia yang selamat.				
H11	Menjamin keamanan negara.				
H12	Keselamatan masyarakat dunia terjamin				
H13	Konflik antara negara dapat diselesaikan secara aman				
H14	Contohnya , konsep ZOPFAN menjamin keselamatan global / Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear bagi mengawal dan perlucutan senjata nuklear				
F4	Sains dan teknologi				
H15	Memastikan kemajuan teknologi negara setanding dengan negara luar melalui pertukaran teknologi.				
H16	Meningkatkan keupayaan negara dalam bidang perubatan seperti penghasilan vaksin.				
F5	Sosial				
H17	Program kerjasama pembangunan sosial serantau				
H18	Silang budaya masyarakat global dapat berlaku				
H19	Penguasaan bahasa asing meningkat				
H20	Sektor pelancongan semakin berkembang				
H21	Contohnya , Tahun melawat Negara ASEAN				
H22	Penganjuran sukan antarabangsa dapat meningkatkan mutu sukan negara yang terlibat				
F6	Kelestarian alam sekitar				
H23	Menjamin keseimbangan ekosistem global / menjaga kepentingan alam sekitar global				
H24	Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau				
H25	Contohnya , gas karbon dioksida / metana / karbon monoksida / kloroflurokarbon				
H26	Mengelakkan kesan rumah hijau / mengelakkan pemanasan global / mengurangkan masalah penipisan ozon / mengelakkan kepupusan flora dan fauna				
K	Semua negara harus menjalin hubungan baik antara negara / kerjasama dalam masyarakat global supaya dapat menjana dan menaikkan taraf hidup rakyat.				
Mana-mana jawapan yang munasabah					
Terima 1N + 9H = 10m / 2N + 8H = 10m / 0N + 10H = 9m					

Bahagian C [40 markah]
 Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

8. Catatan berikut merupakan catatan diari peribadi seorang murid mengenai penghargaannya kepada keluarga.

21 Ogos 2021.

Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna bagiku kerana berjaya menggenggam segulung ijazah. Walaupun penuh halangan, namun aku berjaya mengatasinya dengan baik. Aku bersyukur dan berbangga kerana mempunyai keluarga yang sangat memahami dan mengambil berat tentangku. Disaat aku menghadapi masalah, mereka sering memberi bantuan dan sokongan terhadapku. Ayah dan ibu juga sentiasa memastikan semua keperluanku dan adik-adik sentiasa mencukupi.

a. Berdasarkan catatan diari di atas, huraikan **cara keluarga** murid **memupuk integriti keluarga** sehingga dia berjaya. Jawapan hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [10m].

Watak : ahli keluarga / anak / bapa / ibu / mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh		
N1	Nilai rasional	N4	Nilai harga diri
N2	Nilai toleransi	N5	Nilai kasih sayang
N3	Nilai bertanggungjawab	N6	Nilai berterima kasih
	Ahli keluarga memberikan penghargaan kepada setiap anggota keluarga		
H2	Contohnya , mengadakan jamuan makan / hadiah ketika hari istimewa mereka		
H3	Memberikan layanan yang adil kepada anggota keluarga		
H4	Bersabar dengan karenah anggota keluarga		
H5	Tidak pilih kasih terhadap setiap anggota keluarga		
H6	Menyayangi dan menghormati anggota keluarga		
H7	Mendengar pendapat anggota keluarga		
H8	Prihatin terhadap keperluan / perasaan setiap anggota keluarga		
H9	Mengambil berat keadaan keluarga		
H10	Mempunyai kemahiran ibu bapa yang baik		
H11	Ibu bapa menjadi suri teladan / contoh yang baik		
H12	Contohnya , ibu bapa menepati masa semasa menghadiri majlis / ibu bapa melakukan tanggungjawab agama dalam keluarga		
H13	Ibu bapa memuji anak-anak apabila mereka berkelakuan baik		
H14	Meluangkan masa berkualiti dengan ahli keluarga		
H15	Bersedia memberi bantuan / sokongan moral kepada ahli keluarga yang menghadapi kesusahan		
H16	Menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga dengan baik		
K	Setiap anggota keluarga perlu mempunyai sikap integriti sebagai jati diri demi kebahagiaan keluarga		

Mana-mana jawapan yang munasabah

Terima 1N + 9H = 10m / 2N + 8H = 10m / 0N + 10H = 9m

- integriti keluarga (家庭诚信) ialah cara-cara mewujudkan keluarga bahagia / menjayakan sebuah keluarga 帮助家庭成员成就/让家庭成员感到幸福美满的家庭.**

- b. **Selain faktor keluarga**, bincangkan **faktor lain** yang mendorong kejayaan seorang murid. [10m] 除了家庭因素, 请讨论一位学生成功的其他因素.

Watak : mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F1	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah pengaruh rakan sebaya
H1	Kaedah pembelajaran secara berkumpulan dapat membantu rakan yang lemah
H2	Meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar untuk berjaya
H3	Persaingan yang sihat antara rakan
F2	Persekitaran ialah faktor yang mendorong kejayaan seorang murid
H4	Kelas tambahan dan tuisyen untuk memantapkan pengetahuan mereka dalam sesuatu topik
H5	Contohnya , kelas tuisyen sejarah / matematik tambahan boleh membantu pelajar yang lemah untuk lebih mahir dalam subjek tersebut
H6	Mempunyai suasana yang kondusif untuk pembelajaran
F3	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah faktor diri sendiri
H7	Berusaha bersungguh-sungguh tanpa putus asa / rajin mengulangkaji pelajaran
H8	Menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas
H9	Pembahagian masa yang efektif / tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah
H10	Mempunyai keinginan untuk berjaya
F4	Faktor sekolah / faktor guru ialah faktor yang mendorong kejayaan seorang murid
H11	Pembentukan modal insan yang diterapkan oleh pihak sekolah
H12	Guru-guru yang berpengalaman dalam bidang masing-masing mendidik pelajar dengan kemahiran mereka
H13	Program kecemerlangan akademik / bengkel teknik menjawab soalan / kem motivasi
H14	Bekalan buku rujukan yang mencukupi di perpustakaan
H15	Aktiviti kokurikulum yang membantu murid mempelajari kemahiran kepimpinan / sikap toleransi / kerjasama
F5	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah dasar Kerajaan / peranan kerajaan
H16	Contohnya , Kerajaan telah menyediakan rangkaian televisyen pendidikan untuk pelbagai mata pelajaran sekolah iaitu DidikTV
H17	Bengkel atau webinar pendidikan dikendalikan oleh individu yang berpengalaman dalam bidang masing-masing
K	Semua pihak perlu berganding bahu membentuk kemenjadian pelajar supaya melahirkan generasi muda yang berkebolehan dalam pelbagai bidang.
Mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 10H = 10m	

9. **Keratan akhbar berikut** berkaitan dengan kejayaan atlet paralimpik Malaysia dalam sukan paralimpik antarabangsa.

	<p>PARALIMPIK : Bonnie raih emas pertama Malaysia Kuala Lumpur : Atlet paralimpik negara, Bonnie Bunyau Gustin menghadaikan pingat emas sulung negara di Sukan Paralimpik Tokyo 2020 dalam acara powerlifting dalam kelas 72 kilogram (kg) Bonnie merangkul emas dengan angkatan terbaiknya 228 kg sekali gus memecahkan rekod temasya yang sebelum ini dipegang atlet Iraq, Rasool Mohsin 227kg yang dilakukan ketika di Rio de Janeiro.</p> <p style="text-align: right;">~ Berita Harian, 28 Ogos 2021</p>
---	--

- a. Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan **emosi moral** anda berdasarkan keratan akhbar di atas.
 Bincangkan **cara mengharumkan nama negara** di mata dunia berdasarkan **nilai universal selain nilai bertanggungjawab dan nilai rasional**. [10m]

Watak : Rakyat Malaysia / saya / mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh		
F	Gembira / bangga / kagum		
N1	Nilai kerjasama	N4	Nilai kerajinan
N2	Nilai Patriotisme	N5	Nilai berdikari
N3	Nilai keberanian	N6	Nilai toleransi
H1	Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang ialah cara mengharumkan nama negara di mata dunia		
C1	Contohnya , Dato Jimmy Choo dalam bidang rekaan kasut / Zang Toi bidang fesyen / Shila Amzah bidang hiburan / Datuk Lee Chong Wei bidang sukan		
H2	Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa		
C2	Contohnya , Sukan komamwel / pertandingan ratu cantik sedunia / Mental Arithmetic International Competition dan sebagainya		
H3	Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi		
C3	Contohnya Pua Khien Seng mencipta pendrive / USB flash drive		
H4	Menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa		
C4	Persidangan ASEAN / Komanwel / APEC		
H5	Membuat pameran tentang keunikan budaya pada peringkat antarabangsa		
H6	Membolehkan warga asing mengenali Malaysia dengan lebih mendalam		
H7	Memelihara warisan negara		
H8	Pastikan hasil tinggalan sejarah dijaga dengan baik / baik pulih warisan negara		
H9	Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan		
H10	Meningkatkan kemudahan di kawasan pelancongan seperti tandas awam yang bersih		
K	Tanggungjawab mengharumkan nama negara merupakan tanggungjawab semua warganegara / seluruh pihak perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara		

Mana-mana jawapan yang munasabah

Terima 1N + 9H = 10m / 2N + 8H = 10m / 0N + 10H = 9m

- b. Huraikan **kekangan** yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [10m] 分析让马来西亚扬名国际的的阻力/挑战.

Watak : mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
H1	Kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah kekurangan pakar dalam bidang kritikal
C1	Contohnya , bidang kedoktoran @ doktor pakar / ahli sains
H2	Teknologi / kemahiran yang terhad berbanding negara maju
H3	Pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju
H4	Masyarakat kurang bersikap inovatif dan kreatif
H5	Masyarakat tidak bekerjasama dan bersikap individualistik
H6	Segelintir masyarakat kurang memberikan sokongan kepada dasar negara
H7	Kurang sikap kepedulian dan sikap jati diri dalam diri rakyat Malaysia
H8	Sumber kewangan yang terhad
H9	Kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang
H10	Kekurangan peralatan sukan yang canggih menyukarkan peningkatan mutu sukan negara
H11	Terlalu mengagungkan jenama dari luar negara
H12	Menganggap barangan luar negara lebih bermutu berbanding barangan tempatan
H13	Perbezaan budaya dan bahasa antara negara
H14	Penguasaan bahasa asing yang lemah menyukarkan komunikasi dengan negara luar
H15	Penyebaran maklumat palsu tentang negara
H16	Menjejaskan sikap patriotik dan kesediaan rakyat berkorban untuk negara
K	Setiap warganegara perlu berganding bahu memikul tanggungjawab untuk mengharumkan nama negara di mata dunia / kekangan mengharumkan nama negara dapat diatasi dengan adanya kerjasama setiap warganegara
Mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 10H = 10m	

- Esei mesti tulis ayat lengkap 作文一定得写完整的句子
 - Terdapat watak dan tindakan yang berkaitan dengan situasi soalan 有主角及道德行为及与题目要求/情况
 - Jika tidak perlu tulis watak, esei pun tidak boleh tulis jawapan singkat yang tidak lengkap. 如果句子不需要写到主角，也得写出完整的句子。
 - Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang----- **X**
这样写是错的，没有完整句子不能拿到分数，
 - **Cara mengharumkan nama negara di mata dunia ialah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang.** ✓ **必需写这样完整的句子才对**